

# Graduan Cemerlang Bakal Ditawarkan Jawatan di UMK

Oleh : Syarimie Wosley

Gambar : Al Azam Razi

Hebahan : [Berita@umk.edu.my](mailto:Berita@umk.edu.my)



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) akan memberi keutamaan kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam bidang akademik untuk ditawarkan bekerja di Universiti bagi membantu mereka mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, pihak pengurusan telah mengambil pendekatan pro- aktif kepada pelajar-pelajar yang betul-betul cemerlang untuk mengisi kekosongan jawatan terutamanya sebagai staf akademik.



Beliau berkata, langkah universiti memberikan peluang pekerjaan kepada mereka yang cemerlang itu bagi memastikan kumpulan pelajar lepasan UMK yang benar-benar cemerlang untuk ditawarkan bekerja.

“Pendekatan yang kita ambil ialah kita tidak akan tunggu mereka membuat permohonan tetapi kita yang akan mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang khususnya untuk jawatan-jawatan akademik yang ada,” jelasnya pada Majlis Makan Malam Alumni UMK Bersama Pengurusan Universiti, di sebuah hotel, di Kota Bharu, Kelantan, pada [16 April 2013](#).

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Raduan, menyeru kepada semua pelajar alumni UMK memberi kerjasama baik kepada Universiti bagi menjayakan apa sahaja program yang dilaksanakan bagi membawa kemajuan dan pembangunan kepada Universiti.



"Melalui program seperti ini sekurang-kurangnya memberi peluang kepada pihak Universiti untuk menjalinkan hubungan dengan pelajar-pelajar alumni universiti sekaligus dapat berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan para mahasiswa.

"Pihak UMK juga akan sentiasa memberi kerjasama kepada pelajar supaya mereka dapat dibantu menerusi beberapa projek khas yang bakal dilaksanakan," katanya.

